From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 10 August, 2022 9:39:37 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tuanku Canselor Perkenan Terima Menghadap Naib Canselor

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 OGOS 2022 / 12 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

TUANKU CANSELOR PERKENAN TERIMA MENGHADAP NAIB CANSELOR



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah mendapat perkenan menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah,

Tuanku Canselor UUM secara maya, semalam.

Pada majlis menghadap tersebut, Haim Hilman menyembah maklum tentang beberapa perkara, antaranya Majlis Konvokesyen Ke-34 tahun 2022, Majlis Konvokesyen Ke-35 dan Ke-36 bagi tahun 2023 dan perkembangan terkini UUM termasuk pencapaian dan kejayaan universiti.

Dalam majlis menghadap berkenaan, Tuanku Canselor telah memperkenankan tarikh-tarikh majlis konvokesyen yang dipersembahkan iaitu Majlis Konvokesyen ke-34 UUM akan berlangsung pada 6 hingga 12 November 2022, manakala bagi Majlis Konvokesyen ke-35 dan ke-36 yang akan berlangsung pada tahun hadapan, tarikh yang diperkenankan adalah 14 hingga 18 Mei 2023 dan 22 hingga 26 Oktober 2023.

Tuanku Canselor turut disembah maklum tentang dua penerima ijazah kehormat, iaitu Tan Sri Halim Shafie yang akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan dan Pembangunan ICT) dan Dato' Che Azmi Murad untuk Ijazah Kehormat Sarjana (Pengurusan Operasi).

Selain itu, beliau turut menyembah maklum tentang hala tuju universiti dan program kolaborasi UUM melalui MoU dan MoA antarabangsa serta lawatan kerja ke Australia dan Indonesia, baru-baru ini.

Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin turut disembah maklum tentang hasrat universiti untuk mengadakan Program Kembara DiRaja Kedah bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala antara pihak istana dan rakyat jelata.

Turut disembah maklum perkembangan projek penerbitan buku 'KDYMM Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah: Menggagas Wawasan, Melestari Ketamadunan' serta penganugerahan Anugerah Pingat Perkhidmatan Setia untuk perkenan Baginda.

Di akhir sesi menghadap berkenaan, Tuanku Canselor telah menzahirkan rasa gembira atas segala perkembangan universiti dan turut memperkenankan program Kembara DiRaja Kedah bagi menandakan kebersamaan Tuanku bersama rakyat.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not

relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.